

**UNTUK SIARAN SEGERA  
KENYATAAN MEDIA**

**MDEC, KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN MOSTI LANCAR KEMPEN  
#digitalraya 'HOUR OF CODE' (HOC) UNTUK GALAKAN MURID PELAJARI  
PENGEKODAN**

- *15,000 pelajar dijangka mendaftar untuk edisi kedua 'Hour of Code' 'anjukan MDEC dan rakan strategik*
- *Pelbagai hadiah menarik termasuk 30 telefon pintar bernilai RM700 dan 30 tiket akses ke karnival maya #mydigitalmaker 2020 untuk dimenangi*

**CYBERJAYA, 10 Jun 2020** – Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan edisi kedua Hour of Code (HoC) bertemakan #digitalraya. Kempen ini bertujuan untuk memupuk minat pelajar sekolah mempelajari pengekodan ketika belajar di rumah bermula pada 9 hingga 22 Jun 2020 dalam usaha menyokong Minggu Sains Negara dan akan berterusan melalui karnival #mydigitalmaker 2020 yang akan turut berlangsung pada tahun ini.

HoC merupakan gerakan global yang telah memanfaatkan lebih sejuta pelajar di 180 negara. Di peringkat tempatan, HoC merupakan sebahagian daripada komponen program #mydigitalmaker yang dilaksanakan MDEC selari dengan visi untuk mengukuhkan ekonomi digital menerusi tiga teras utamanya iaitu mendigitalkan kemahiran rakyat, mendigitalkan perniagaan dan mendigitalkan pelaburan.

Dianjurkan sempena Hari Raya Aidilfitri, edisi HoC #digitalraya diharapkan dapat memupuk semangat kekitaan pada musim perayaan ini di sebalik kebiasaan baharu termasuk penjarakan sosial akibat pandemik Covid-19 yang masih menjadi ancaman global.

Menerusi penganjuran acara ini, peserta dijemput mengambil bahagian serta berpeluang memenangi hadiah menarik yang ditawarkan termasuk 30 unit telefon pintar bernilai RM700 setiap satu serta 30 pas masuk untuk mengakses kepada karnival maya #mydigitalmaker 2020 yang berlangsung pada Oktober ini.

Terdahulu, edisi HoC #dudukrumah yang dilancarkan pada awal tahun ini mendapat sambutan dengan penyertaan luar biasa apabila hampir 8,000 peserta. Berdasarkan maklum balas berkenaan, penganjur menjangkakan akan berlaku pertambahan sehingga 15,000 peserta dalam edisi kali ini.

Naib Presiden Pembangunan Bakat Digital MDEC, Dr. Sumitra Nair berkata, pihaknya teruja melihat maklum balas yang diterima terhadap penganjuran kali kedua acara ini. “ Kali ini, penganjur telah menyediakan modul yang lebih mencabar serta hadiah menarik untuk seisi keluarga menikmati HoC serta pada masa sama boleh meningkatkan kemahiran pengekodan mereka,” katanya di sini hari ini.

Berikutan pandemik COVID-19, penganjuran edisi kali ini akan dilaksanakan oleh MDEC secara maya dan diaktifkan menerusi saluran media sosial. Sehubungan itu, MDEC menjemput penyertaan untuk #mydigitalmaker dari seluruh negara.

Sementara itu, seorang peserta, Lesyan Nair, 7, dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Serdang, Selangor, berkata, pengalaman pertamanya menyertai HoC sangat menyeronokkan kerana dapat mempelajari dengan lebih mendalam tentang pengekodan semasa.

Seorang lagi murid, Nur Aisyah Syakirah Saifulnizan, 9 , dari Sekolah Kebangsaan Raja Bahar, Kelantan berkata, “Kali pertama saya menyertai HoC adalah pada 2017. Belajar pengekodan secara berperingkat untuk mendapatkan sijil merupakan satu cabaran namun aktiviti ini sangat berfaedah kerana menguji minda saya untuk memikirkan kaedah menyelesaikan masalah dengan cara yang menghiburkan,” katanya.

Kempen HoC #digitalraya ini selaras dengan objektif MDEC dan gerakan #mydigitalmaker yang bertujuan untuk memupuk inovasi digital dan kreativiti di kalangan kanak-kanak. Ibu bapa, guru dan pelajar boleh melayari [www.mydigitalmaker.com/hoc](http://www.mydigitalmaker.com/hoc) untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan mengambil bahagian dalam kempen HoC.

-Tamat -

## Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah selian Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif- inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.



MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Negara 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward #DigitalvsCovid

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan

oleh MDEC sila layari [www.mdec.my](http://www.mdec.my) atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec